MSM Malaysia kembali catat untung pada suku pertama

KUALA LUMPUR: MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) kembali mencatat keuntungan pada suku pertama berakhir 31 Mac 2018, selepas mencatat keuntungan bersih sebanyak RM15.80 juta berbanding kerugian bersih RM34.62 juta dicatatkan dalam tempoh sama sebelum ini.

Prestasi yang lebih baik pada suku semasa itu disebabkan kos bahan mentah yang rendah dan kadar tukaran asing yang menggalakkan, menurut MSM.

Pengurangan dalam perbelanjaan pentadbiran sebanyak 33 peratus, dari segi suku ke suku, atau RM9.1 juta berbanding RM23.8 juta juga antara faktor yang menyumbang kepada prestasi MSM.

Perolehan, bagaimanapun, susut 14.2 peratus kepada RM549.06 juta berbanding RM640.04 juta dicatatkan pada suku sama tahun lepas dengan pengurangan sebanyak tujuh peratus dari segi jualan tanan secara keseluruhan dan harga jualan purata yang rendah.

"Walaupun keadaan tidak menggalakkan pada 2017, prestasi pada suku pertama menunjukkan tanda-tanda yang menggalakkan ke arah lembaran imbangan yang sihat.

"Ia ternyata merupakan proses pemulihan yang berterusan dan dengan hala tuju MSM yang positif ini akan mengukuhkan peranan utamanya dalam perniagaan ini," kata Pengarah Eksekutif MSM Datuk Khairil Anuar Aziz dalam kenyataan hari ini.

MSM terus mengukuhkan tumpuan operasinya dengan menurunkan kos gula mentahnya sebanyak 23.1 peratus berbanding suku pertama 2017.

Bagaimanapun, ini dihalang oleh kenaikan kos penapisan secara purata disebabkan kos bahan api yang tinggi berikutan semakan menaik tarif gas pada Januari sebanyak 16 peratus.

Antara lain, katanya kilang penapisan di Johor dijadualkan untuk pengoperasian pada separuh pertama 2018 dan terus melaksanakan bajet berhemat dan mengikut tempoh masa.

Menurut kenyataan itu, pertumbuhan kapasiti tertumpu kepada menghasilkan margin dan perolehan yang lebih baik melalui jualan eksport yang meningkat, terutamanya di pasaran Asia Tenggara dan Timur Tengah dan Afrika Utara.

Dari segi industri, hasil gula meningkat dengan ketara susulan hujan monsun Asia yang menggalakkan membawa kepada lebihan gula global. Selain itu, bekalan global dijangka mengatasi permintaan sebanyak 10.40 juta tan metrik pada musim ini, lebih 26 peratus untuk mengatasi kekurangan/defisit pada dua musim lalu.

MSM berkata ia merancang untuk meningkatkan lagi pengurusan inventori, kecekapan bekalan dan pengedaran serta mengoptimumkan perbelanjaan operasi untuk kekal berdaya tahan pada suku tahun akan datang.

Syarikat itu berkata paling penting ia akan terus memantau aliran tunainya dan keperluan modal kerja selain langkah pro aktif akan terus dilaksanakan bagi MSM mencatat prestasi yang baik dari segi kewangan, katanya. - BERNAMA

https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2018/05/429406/msm-malaysia-kembali-catat-untung-pada-suku-pertama